

Kejar Tun M untuk tunjuk rasa hormat

Kasmo - 3/8/2020 mlb: 6

KULIM - Tindakan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Azmin Ali cuba mengejar Tun Dr. Mahathir Mohamad di Masjid Putra, Putrajaya pada Jumaat lalu hanya sebagai tanda hormat.

Katanya yang juga Menteri Kanan, tindakan itu bagi menunjukkan rasa hormat beliau terhadap bekas Perdana Menteri dan tidak seharusnya dipolitikkan oleh pihak tertentu.

Menurutnya, ia bukan berkaitan politik, sebaliknya sekadar mahu bertanya khabar selain mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada Tun Mahathir.

"Kita ini orang Islam dan orang Melayu serta rakyat Malaysia, kita bukan bersengketa atau bermusuhan sehingga dendam antara satu sama lain. Saya orang muda dan perlu

tunjuk hormat kepada insan yang lebih tua.

"Mungkin kita ada pandangan yang berbeza, namun apabila di dalam masjid dan pada Hari Raya Aidiladha, sudah tentu saya sebagai seorang yang jauh lebih muda bertanggungjawab untuk bertemu dengan beliau," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Korban Perdana Penggerak Komuniti Negara peringkat negeri Kedah di sini semalam.

Kata Ahli Parlimen Gombak itu, tindakan tersebut tidak seharusnya dipolitikkan walaupun beliau mempunyai pandangan berbeza dengan Mahathir ketika ini.

Jumaat lalu, video Azmin mengejar Mahathir tular di media sosial sekali gus menimbulkan pelbagai andaian dalam kalangan netizen.



GAMBAR Azmin (dua dari kanan) bertemu Tun Mahathir (dua dari kiri) di Masjid Putra, Putrajaya pada Jumaat lalu menimbulkan pelbagai andaian dalam kalangan netizen di media sosial.